

**SOALAN NO.: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2017 [ SELASA ]**

**SOALAN :**

**Datuk Amar Douglas Uggah Embas [ Betong ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan secara terperinci perkembangan dan pencapaian *Council of Palm Oil Producing (CPOPC)* setakat ini.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Piagam Penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) telah ditandatangani oleh Malaysia dan Indonesia sebagai negara pengasas pada 21 November 2015. Sejak Piagam tersebut ditandatangani kemajuan kerja di bawah rangka CPOPC adalah seperti berikut:

- (a) pelantikan Pengarah Eksekutif dari Indonesia dan Timbalan Pengarah Eksekutif dari Malaysia;
- (b) persetujuan penubuhan forum perniagaan dan forum pekebun kecil;
- (c) persetujuan negara-negara penanam sawit yang akan dijemput untuk menggangotai CPOPC; dan
- (d) pelaksanaan aktiviti-aktiviti CPOPC bagi tahun 2017 termasuk memperkuuhkan imej minyak sawit dan mempromosi peranan CPOPC di persada antarabangsa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti yang sedang dibincangkan dan dijangka akan dimuktamadkan termasuk:

- (a) hala tuju dan strategi CPOPC dalam jangka pendek dan jangka panjang;

- (b) pengstruktur semula organisasi CPOPC bagi memantapkan peranan dan fungsinya sebagai badan utama bagi mempromosi kerjasama di kalangan negara-negara penanam sawit; dan
- (c) menganjurkan Mesyuarat Peringkat Menteri Tahunan pada pertengahan tahun 2017 bagi memuktamadkan aktiviti-aktiviti dibawah CPOPC.

Malaysia akan terus bekerjasama dengan Indonesia untuk memperkuuhkan kerjasama di bawah CPOPC. Ini adalah memandangkan kedua-dua negara menghasilkan 85% pengeluaran minyak sawit dunia dan industri ini dipelopori oleh para pekebun kecil. Kejayaan CPOPC akan membolehkan para pekebun kecil menikmati harga minyak sawit dunia yang stabil.

Sekian, terima kasih.